

LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(Kementerian Pelancongan, Seni & Budaya Malaysia)

SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN BARANG-BARANG/PERKHIDMATAN/KERJA

Kepada :
.....
.....
.....
.....

Pelawaan Sebut harga dikeluarkan oleh :

LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

Bahagian Pentadbiran, Tingkat 8, No. 2, Menara 1

Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya

Tarikh **05 SEPT 2019**

1. Sila Sebut harga untuk bekalan barang-barang/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan
2. Syarat-syarat penyerahan memenuhi spesifikasi dan kehendak sepertimana dalam dokumen sebut harga
3. Tarikh penyerahan/penyempurnaan memenuhi spesifikasi dan kehendak sepertimana dalam dokumen sebut harga
4. Arahkan pengiriman memenuhi spesifikasi dan kehendak sepertimana dalam dokumen sebut harga
5. Pembayaran 14 hari selepas kerja disempurnakan dan diterima dengan memuaskan
6. Sebut harga mestilah sampai ke alamat di atas pada atau sebelum jam **12.00 TENGAH HARI** haribulan **11 SEPT 2019** dan hendaklah sah selama **90 hari** selepas itu.
7. Sebutharga mestilah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlakri bertanda No. Sebutharga **TM/PC/2019/0040**

KOD BIDANG KONTRAKTOR

Kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah Kod bidang

221601/221602/221603/221604

sahaja yang layak menyertai tawaran ini.

Tandatangan :

(**MOHD AZIZUL ARIF HJ YAHAYA**)

Jawatan: **b.p Ketua Pengarah,
Lembaga Penggalakan Pelancongan
Malaysia**

Perihal barang-barang/perkhidmatan dan syarat-syarat khas	Kuantiti	Kadar Seunit (RM)	Harga (RM)
MENCETAK & MEMBEKAL RISALAH MALAYSIA TRAVEL GUIDE (BAHASA THAI) Tempoh Serahan hari Sebarang pindaan tawaran harga di borang ini boleh menyebabkan tawaran ditolak Keterangan lanjut, sila hubungi pegawai projek : Encik Rosdey Salleh (TELEFON =03-8891 8148)	3,000 Naskhah		
Tawaran Harga (tidak termasuk CJCP)			
Cukai Jualan dan / atau Cukai Perkhidmatan(CJCP)			
No. Pendaftaran dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia:			
Jumlah Keseluruhan (RM)			

Diskaun perniagaan, diskaun tunai, diskaun pembayaran cepat dan lain-lain diskaun, dan apa-apa bayaran tambahan (misalnya cukai dan belanja membungkus) hendaklah ditunjukkan. Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tarikh :

Tandatangan :

Nama Kontraktor : ()

Cop Syarikat :

SYARAT-SYARAT

Tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan di lain-lain tempat dalam pelawaan ini, syarat-syarat am berikut hendaklah di pakai, melainkan setakat mana syarat-syarat itu ditolak secara tertentu atau diubah oleh petender.

1. **KEADAAN BARANG-BARANG**
Semua barang-barang mestilah baru dan belum digunakan sebelum daripada ini
 2. **DISKAUN**
Tiap-tiap diskaun termasuk perniagaan, diskaun tunai dan diskaun bayaran cepat, yang diberi atas sesuatu harga, mestilah ditunjukkan.
 3. **BEKALAN SEBAHAGIAN**
Sebut harga /tender boleh disampaikan bagi satu-satu butiran atau bagi sebahagian kuantiti butiran itu.
 4. **BARANG-BARANG SAMANILAI**
Sebut harga /tender boleh disampaikan bagi barang-barang samanilai yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.
 5. **SETUJU TERIMAAN**
 - i) Sebut harga/tender yang terendah atau mana-mana sebut harga/tender tidaklah semestinya dipersetujui.
 - ii) Tiap-tiap satu butiran akan dipertimbangkan sebagai suatu sebut harga/tender yang berasingan.
 6. **PEMERIKSAAN**
 - i) LPPM adalah berhak menghendaki barang-barang diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
 - ii) Penjual hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.
 7. **PERAKUAN MEMATUHI PENENTUAN**
Petender/pembekal adalah dikehendaki memperakui bahawa perkhidmatan/barang-barang yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan dalam pelawaan ini.
 8. **PENOLAKAN**
 - i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui, sebut harga/tendernya boleh ditolak.
 - ii) Apabila diminta, penjual hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada LPPM segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.
 - iii) Fasa kecil (i) dan (ii) di atas, adalah tanpa menyentuh apa-apa hak untuk mendapatkan ganjaran kerana kemungkinan kontrak.
 9. **PENGIKLANAN**
Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan tanpa mana-mana tender boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Pengarah LPPM.
 10. **TAFSIRAN**
Sebut harga/tender ini dan apa-apa kontrak yang ujud daripadanya hendaklah ditafsirkan mengikut dan tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan penjual bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Eksklusif Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan yang mungkin timbul mengenai sebut harga/tender ini atau apa-apa yang timbul daripadanya.
 11. **INSURAN**
Tiada apa-apa insuran atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga/tender.

(PERINGATAN : Syarat-syarat nombor 1 hingga 11 di atas adalah dipakai bagi semua tender/sebut harga).
 12. **CUKAI**
Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.
 13. **PEMBUNGKUSAN**
 - i) Melainkan jika ditunjukkan berasingan harga adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
 - ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat, hendaklah diganti oleh penjual.
 14. **PENGECAMAN**
Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan hendaklah ditunjukkan.
- BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**
15. **CUKAI**
Harga adalah diertikan sebagai termasuk cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan dalam sebut harga/tender.
 16. **MATAWANG**
Sebut harga/tender hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).
 17. **PUNCA BEKALAN**
Jika barang-barang tidak dibeli terus daripada pembuat sebut harga/tender hendaklah menyatakan nama dan alamat peniaga yang melaluinya barang-barang itu akan dibeli.
 18. **PEMBUNGKUSAN**
 - i) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika, mengikut adat perniagaan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.
 - ii) Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkus dan belanja pembungkusan.
 - iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat hendaklah diganti oleh penjual.

Untuk Dikembalikan Bersama Borang Tawaran

Kepada :

KETUA PENGARAH
Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia,
Tingkat 8, No. 2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
62200 Putrajaya.

(u.p : Unit Perolehan, Bahagian Pentadbiran)

Tuan,

Senarai Semak Sebut harga : TM/PC/2019/0040

Mencetak dan Membekal Risalah Malaysia Travel Guide (Bahasa Thai)-3,000 Naskhah

Bersama-sama ini disertakan dokumen-dokumen yang berkaitan :

BIL.	DOKUMEN PENTING	SILA TANDAKAN (/)	
		UNTUK DIISI OLEH PENYEBUTHARGA	UNTUK KEGUNAAN TOURISM MALAYSIA
1.	Borang Tawaran Sebut harga	☐	☐
2.	Borang Pecahan Tawaran Harga (LAMPIRAN A)	☐	☐
3.	i) Surat Akuan Pembida (Lampiran A1)	☐	☐
	ii) Surat Akuan Pembida Berjaya (Lampiran A2) *Perlu Diisi & Dihantar Bersama Borang Tawaran	☐	☐
4.	Pilih Salah satu : i) Salinan Sijil <i>Virtual</i> , atau ii) Salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan, atau iii) Nombor Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan :	☐ ☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐ ☐
5.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Bumiputera	☐	☐
6.	Salinan Lesen Mesin Cetak (Borang A)	☐	☐
7.	Ahli Persatuan Percetakan Melayu Malaysia	☐	☐
8.	Menyatakan tempoh serahan di dalam Borang Tawaran Sebut Harga		
9.	Salinan Pendaftaran Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Bagi Syarikat yang mengenakan CJCP)	☐	☐

Tandatangan :

Cop Syarikat :

Nama Kontraktor :

No. H/P :

Tarikh :

**LEMBAGA PENG GALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA
(LPPM)**

BORANG PECAHAN HARGA

NO. SEBUT HARGA : **TM/PC/2019/0040**

PERKARA : **Mencetak dan Membekal Risalah Malaysia Travel Guide (Bahasa Thai)-3,000 Naskhah**

a)	Kulit				
b)	Teks				
c)	Lain-lain				
2)	KEPERLUAN CETAKAN				
a)	Matte Lamination (kulit sahaja)				
b)	Creasing				
c)	High Quality Glossy Process Ink				
d)	Spot UV(Kulit Sahaja)				
3)	KEPERLUAN JILIDAN				
a)	Wire Stapling/Saddle Stitched				
b)	Perfect Binding				
c)	Lipatan Pada Risalah				
4)	CTP(CD DISEDIAKAN OLEH TOURISM MALAYSIA)				
5)	UPAH				
	JUMLAH KESELURUHAN				

Kami dengan ini menawarkan perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat di atas.

Nota:

- i) Tawaran harga di atas adalah muktamad, sebarang perubahan harga adalah tidak akan dilayan.
- ii) Borang ini mestilah dikembalikan bersama dengan Borang Tawaran Sebut harga.
- iii) Pecahan harga hendaklah berdasarkan SPESIFIKASI.

**SURAT AKUAN PEMBIDA
Bagi Sebut Harga**

(SAP bertarikh 1 April 2010)

No. Sebut Harga :

Tajuk Sebut Harga :

Saya,nombor K.P.yang mewakili
(Nama Wakil Syarikat)

..... nombor Pendaftaran
(Nama Syarikat)

.....dengan ini mengisytiharkan bahawa saya
(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)

atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Tandatangan)

Nama :
No. K.P. :
Cop Syarikat :

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA
Bagi Sebut Harga

No. Sebut Harga :

Tajuk Sebut Harga :

Saya,nombor K.P.yang mewakili
(Nama Wakil Syarikat)

.....nombor pendaftaran
(Nama Syarikat)

.....dengan ini mengisytiharkan bahawa saya
(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)

atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Tandatangan)

Nama :
 No. K.P. :
 Cop Syarikat :

**LEMBAGA PENGREALISAN PELANCONGAN MALAYSIA
(LPPM)**

**SYARAT-SYARAT AM KEPADA SYARIKAT YANG MENYERTA
SEBUT HARGA PERCETAKAN**

1. BUTIRAN PENDAFTARAN

Hanya syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang pada Borang Tawaran Sebut harga yang berpengalaman dan berkemampuan serta mempunyai Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera daripada Kementerian Kewangan Malaysia sahaja yang layak menyertai sebutharga ini. Sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan sesalinan Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera yang masih sah, Surat Akuan Pembida hendaklah disertakan bersama Borang Tawaran Sebut harga. Syarikat yang tidak menyertakan salinan sijil-sijil berkenaan tidak dipertimbangkan.

2. BORANG TAWARAN SEBUT HARGA

Amaun tawaran rasmi mestilah dicatat dalam Borang Tawaran Sebut Harga. Syarikat yang tidak mencatat amaun tawaran dalam borang ini boleh tidak akan dipertimbangkan.

3. BORANG PECAHAN TAWARAN HARGA

Pecahan harga terperinci hendaklah dicatat dalam Borang Pecahan Tawaran Harga. Syarikat yang tidak memenuhi borang berkenaan boleh menyebabkan penyertaan tidak dipertimbangkan.

4. BORANG TIDAK MENYERTA TAWARAN

Syarikat yang tidak dapat menyertai tawaran ini adalah dikehendaki mengembalikan Borang Tidak Menyertai Tawaran pada atau sebelum tarikh tutup tawaran.

5. CONTOH PRODUK / BAHAN

Syarikat hanya perlu mengemukakan satu sahaja contoh produk / bahan bagi satu-satu item berdasarkan spesifikasi. Sebarang cadangan contoh produk / bahan selain dari yang dinyatakan dalam spesifikasi tidak akan dipertimbangkan.

6. KEPUTUSAN

- 6.1 Keputusan muktamad oleh Jawatankuasa Sebut Harga akan dipamerkan di laman web e-perolehan LPPM (<http://perolehan.tourism.gov.my>)
- 6.2 LPPM akan mengeluarkan Surat Pemberitahuan/Surat Setujuterima/Surat tawaran kepada syarikat yang berjaya.
- 6.3 LPPM tidak terikat untuk menerima tawaran sebut harga terendah atau sebarang tawaran sebut harga. Keputusan LPPM adalah muktamad Tourism.

7. PENGAMBILAN SEMULA CONTOH PRODUK / BAHAN

Syarikat yang tidak berjaya boleh mengambil semula contoh produk / bahan yang dikemukakan bersama tawaran sebut harga dalam **tempoh satu (1) bulan dari tarikh tutup sebut harga**. Syarikat yang tidak mengambil semula contoh produk / bahan dalam tempoh yang dinyatakan adalah dianggap tidak berminat dan LPPM akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap contoh produk / bahan tersebut kecuali terdapat unsur-unsur luar jangkaan terhadap sebut harga berkenaan.

PEMATUHAN SYARAT KEPADA SYARIKAT YANG BERJAYA

1. SPESIFIKASI

Syarikat dikehendaki mematuhi syarat-syarat dan spesifikasi sebut harga.

2. PENERIMAAN PESANAN PEROLEHAN (LO) DAN CD

Syarikat tuan adalah dikehendaki mengambil Pesanan Perolehan (LO) daripada Unit Dasar perolehan, Bahagian Kewangan dan CD daripada pegawai projek yang tercatat di dalam Borang Tawaran Sebut harga dalam tempoh 5 hari (hari bekerja) dari tarikh Surat Pemberitahuan/Surat Setujuterima/Surat Tawaran dikeluarkan. Sila pastikan supaya CD yang diterima berada dalam keadaan baik dan mencukupi.

3. PRUF MESIN

Syarikat perlu mematuhi jadual penyerahan pruf mengikut ketetapan di dalam spesifikasi.

4. PEMBATALAN TAWARAN

Tawaran kepada syarikat akan dibatalkan mengikut ketetapan di dalam spesifikasi.

5. SERAH KEMBALI CD

5.1 Syarikat dikehendaki menyerahkan kembali CD yang diterima kepada Pegawai yang berkenaan sebaik sahaja kerja-kerja percetakan telah disempurnakan. CD yang dikembalikan hendaklah dalam keadaan baik dan mencukupi.

5.2 Syarikat dikehendaki mengganti baru CD yang rosak / hilang dalam tempoh 7 hari bekerja atau tempoh yang dipersetujui dengan pihak LPPM dari tarikh penghantaran terakhir sekiranya CD yang digunakan rosak / hilang semasa berada di tangan tuan.

6. PENGGANTIAN CD ROSAK / HILANG

6.1 Bagi CD yang rosak / hilang oleh sebab-sebab di para 5.2 di atas, penggantianannya hendaklah dibuat melalui agensi penerbitan yang menerbitkan CD asal atau dengan apa cara sekalipun yang dipersetujui oleh LPPM. Segala kos perbelanjaan bagi tujuan ini adalah tanggungan pihak tuan, atau

6.2 Sekiranya pihak tuan gagal menggantikan CD asal yang rosak / hilang, bayaran akan ditangguhkan sehingga LPPM membuat penggantian filem berkenaan dan segala kos yang terlibat akan ditolak dari kos percetakan. LPPM hanya akan membuat bayaran di atas baki setelah ditolak kos penggantian CD tersebut.

7. **TEGURAN**

7.1 LPPM akan mengeluarkan dua (2) kali surat teguran bagi setiap kesalahan kelewatan menyiapkan dan membekalkan dengan sempurna kerja-kerja percetakan/penerbitan seperti berikut:

- i) Kesalahan kelewatan kali pertama – Teguran Pertama
- ii) Kesalahan kelewatan kali Kedua – Teguran Kedua (Terakhir)

8. **KENAAN DENDA**

8.1 Bagi kesalahan kelewatan kali ketiga dan keempat, LPPM berhak mengenakan denda terhadap syarikat. Kiraan denda adalah seperti berikut:

- i) Kesalahan kelewatan Kali Ketiga – Denda Kali Pertama iaitu, 2% daripada Harga Tawaran Yang dipersetujui oleh LPPM.
- ii) Kesalahan kelewatan Kali Keempat – Denda Kali Kedua (Terakhir) iaitu, 2% daripada Harga Tawaran Yang dipersetujui oleh LPPM.

8.2 LPPM hanya akan menerima dan membayar bekalan yang memenuhi spesifikasi sahaja. LPPM berhak untuk tidak menerima bekalan yang tidak memenuhi spesifikasi dan tidak akan bertanggungjawab dalam menanggung kos bekalan yang tidak diterima.

9. **AKIBAT KEGAGALAN MENYEMPURNAKAN KERJA MENGIKUT JADUAL**

- a) LPPM berhak untuk tidak membenarkan syarikat menyertai sebut harga sekiranya syarikat dikenakan denda bagi perkara-perkara di para 8.1 (ii) di atas untuk tempoh minimum 3 bulan.
- b) Sekiranya denda dikenakan kepada syarikat lebih daripada tiga (3) kali, LPPM tidak akan mempertimbangkan sebarang tawaran daripada syarikat untuk tiga (3) kali urusan sebut harga.
- c) LPPM akan melaporkan prestasi perkhidmatan syarikat kepada Kementerian Kewangan Malaysia.

**PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH KEPADA SEMUA
YANG TERLIBAT DALAM PEROLEHAN KERAJAAN.**

Semua pihak yang terlibat dalam perolehan Kerajaan samada syarikat/kontraktor/firma perunding/penjawat awam atau mana-mana pihak yang berkaitan adalah diingatkan mengenai kesalahan rasuah berikut:

- (i) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009(Akta 694).

Any act or attempt to corruptly offer or give, solicit or receive any gratification to and from any person in connection with this procurement is a criminal offence under the Anti-Corruption Commission 2009 (Act 694).

- (ii) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam , maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran . Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009(Akta 694).

If any person offers or gives any gratification to any members of the public service, the latter shall at the earliest opportunity thereafter lodge a report at the nearest office of the Anti Corruption Agency or police station. Failure to do so is an offence the Anti-Corruption Commission 2009 (Act 694).

- (iii) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain , tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009(Akta 694).

Without prejudice to any other actions, disciplinary action against a member of public service and blacklisting of the contractor or supplier may be taken if the parties are involved with any act of corruption under the Anti-Corruption Commission 2009 (Act 694).

- (iv) Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009(Akta 694).

Any contractor or supplier who makes a claim for payment in relation to this procurement although no work was carried out or no goods were supplied or no services rendered in accordance with the specifications and any member of the public service who certifies the claim commits an offence under the Anti-Corruption Commission 2009 (Act 694).

- Arahan Kementerian Kewangan
melalui surat rujukan :
S.K.KEW/PK/PP/1100/000000/10/31 Jld.26 SK.7 (3)
bertarikh 28 Februari 2009

**LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA
(LPPM)**

BORANG TIDAK MENYERTAI TAWARAN

NO. SEBUT HARGA :

PERKARA/KUANTITI :

DENGAN INI, DIMAKLUMKAN BAHAWA SAYA BAGI PIHAK SYARIKAT TIDAK DAPAT
MENYERTAI SEBUT HARGA YANG DISEBUTKAN DI ATAS.

TANDATANGAN BAGI PIHAK SYARIKAT :

NAMA :

NO. KAD PENGENALAN :

COP SYARIKAT :

TARIKH :

NO. FAKS LPPM : 03 – 8891 8860
(u/p: En.Emri Faridz Musa)